KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

TEKS UCAPAN:

YBHG. DATUK HAJAH RUBIAH BINTI HAJI WANG

TIMBALAN MENTERI

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SEMPENA:

MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN

SEMPENA EKSPO TVET@KKDW 2025

PADA:

12 OKTOBER 2025 (AHAD)

DI:

IPOH CONVENTION CENTRE (ICC), IPOH, PERAK

Terima kasih saudara/saudari Pengacara Majlis.

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

(SALUTASI)

MUKADDIMAH

1. Alhamdulillah, segala puji dan syukur kita panjatkan ke hadrat Allah SWT, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga baginda serta para sahabat sekalian. Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya, kita dapat berhimpun di Ipoh Convention Centre (ICC), Perak, pada petang yang penuh bermakna ini sempena Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Sempena Ekspo TVET@KKDW 2025.

2. Pada kesempatan ini, saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada rakan strategik utama Kerajaan Negeri Perak serta seluruh warga Kementerian, agensi, institusi, syarikat, usahawan dan pihak industri yang telah menjayakan Ekspo TVET@KKDW 2025 dengan begitu cemerlang dan berimpak tinggi. Penganjurannya bukan sahaja memperlihatkan keutuhan kerjasama antara pelbagai pihak, tetapi juga menjadi simbol komitmen kita untuk memartabatkan TVET sebagai agenda nasional yang mendukung masa depan negara.

3. Ekspo ini yang berlangsung selama tiga hari bermula Jumaat, 10 Oktober 2025, telah diadakan secara hibrid dengan menggabungkan penyertaan fizikal di ICC serta dalam talian melalui laman web dan media sosial rasmi Kementerian. Majlis perasmian pula telah disempurnakan dengan penuh gilang-gemilang oleh YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, pada 11 Oktober 2025.

4. Penganjuran ekspo ini selaras dengan aspirasi Dasar TVET Negara 2030 yang menekankan usaha memperkukuh ekosistem TVET melalui promosi, pengiktirafan dan kolaborasi strategik antara pelbagai pihak berkepentingan. Ia turut memperlihatkan kesungguhan KKDW dalam memperkukuh ekosistem TVET luar bandar melalui pendedahan kepada teknologi baharu, aplikasi inovatif serta kolaborasi strategik bersama rakan industri.

5. Untuk makluman, Ekspo TVET@KKDW kini memasuki tahun ketujuh penganjurannya dan terus menjadi salah satu platform utama KKDW dalam mengetengahkan potensi besar pendidikan dan latihan TVET. Ekspo ini menghimpunkan program dan inisiatif daripada semua agensi dan institusi TVET di bawah KKDW dengan tujuan memberi pendedahan kepada masyarakat, di samping menggalakkan penyertaan pelajar dan belia untuk memilih bidang kemahiran sebagai laluan masa depan yang berdaya saing dan berpendapatan tinggi.

6. Ekspo ini bukan sekadar ruang pameran, tetapi medan pertemuan idea dan inovasi. Ia menjadi jambatan penting yang menghubungkan institusi latihan, agensi kerajaan, pemain industri serta komuniti, bagi melahirkan tenaga kerja tempatan yang bukan

sahaja mahir dan kompeten, serta bersedia menghadapi perubahan teknologi masa hadapan.

7. Saya dimaklumkan bahawa sehingga jam 1.00 tengah hari tadi, Ekspo TVET@KKDW 2025 telah berjaya menarik kehadiran lebih _____ orang pengunjung, sama ada secara fizikal mahupun dalam talian. Ini satu pencapaian membanggakan yang membuktikan minat dan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan TVET semakin meningkat dari tahun ke tahun. Syabas kepada seluruh warga kerja dan rakan pelaksana yang menjayakan penganjuran kali ini!

PENGISIAN EKSPO TVET@KKDW 2025

8. Bertemakan “TVET Masa Depan: Berkemahiran, Berinovasi, Berteknologi Tinggi”, Ekspo TVET@KKDW 2025 menampilkan pelbagai pengisian padat dan bernilai tambah dengan penglibatan agensi KKDW, institusi TVET awam dan swasta serta industri yang berperanan melahirkan tenaga kerja mahir berdaya saing global. Pengunjung berpeluang menyaksikan demonstrasi teknologi terkini dalam bidang seperti automasi dan digitalisasi.

9. Ekspo ini turut menonjolkan sinergi antara industri dan institusi TVET yang memperkukuh laluan kerjaya graduan serta membuka peluang keusahawanan melalui pameran teknousahawan. TVET digambarkan bukan sekadar laluan pekerjaan, tetapi wadah mencipta pekerjaan dan membina ekonomi berasaskan inovasi.

10. Sebanyak 16 slot webinar bersama pakar pelbagai bidang seperti kesihatan, automotif, logistik dan kejuruteraan dijalankan, selain itu,

sesi *masterclass*, *upskilling* dan *reskilling* percuma dalam bidang teknologi termasuk Teknologi Retort, Internet of Things (IOT) dan Kecerdasan Buatan (AI) Pertanian. Karnival Kerjaya MyFutureJobs pula menawarkan lebih 2,400 peluang pekerjaan daripada 19 syarikat bagi membantu pelajar dan masyarakat mendapatkan pekerjaan berkemahiran tinggi.

11. Turut diadakan program berimpak sosial seperti TVET Cilik, TVET Komuniti dan Program Selenggara Elektrik Rumah Impian (SERI). Melalui Program SERI, 50 buah rumah golongan B40 di sekitar Perak menerima perkhidmatan penyelenggaraan elektrik secara percuma oleh pelatih institusi TVET iaitu suatu inisiatif kemahiran yang bukan sahaja mendidik melalui khidmat masyarakat, tetapi turut menzahirkan keprihatinan dan jiwa ihsan dalam diri pelatih TVET.

PERTANDINGAN KEMAHIRAN, KREATIVITI DAN INOVASI

12. Salah satu tarikan utama ekspo ini ialah penganjuran sebanyak 15 pertandingan yang merangkumi Pertandingan Kreativiti dan Inovasi, Pertandingan Kemahiran serta Pertandingan Fesyen. Penyertaan kali ini amat menggalakkan, melibatkan pelajar dari pelbagai Institusi Latihan Kemahiran Awam, Swasta serta sekolah-sekolah.

13. Pertandingan Kemahiran menampilkan pelbagai cabaran menarik seperti E-Sport, *Robattle*, Kecerdasan Buatan, Operasi Dron, Cabaran Kulinari, yang masing-masing menguji kemahiran, ketepatan dan kreativiti peserta dalam menghasilkan produk serta perkhidmatan berkualiti tinggi.

14. Sementara itu, bagi kategori Kreativiti dan Inovasi, peserta bersaing dalam pertandingan Arca Kreatif, Inovasi Produk Pengguna, Automotif dan Pengangkutan, Pendidikan, serta Elektrik dan Elektronik. Setiap hasil kerja mencerminkan pemikiran kritikal, semangat inovatif serta keupayaan menyelesaikan masalah secara praktikal.

15. Penganjuran pertandingan seperti ini bukan sekadar pentas untuk bertanding, tetapi ruang untuk pelajar menonjolkan bakat dan mengasah kemahiran sebenar dunia pekerjaan. Ia juga menjadi wadah penting untuk melahirkan generasi muda yang berfikir kreatif, bertindak inovatif dan yakin menghadapi cabaran masa depan industri.

16. Pertandingan ini juga memberi peluang untuk perkongsian ilmu dan pengalaman antara peserta serta penggiat industri. Diharapkan platform seperti ini akan terus melahirkan bakat-bakat baharu yang mampu mengharumkan nama Malaysia di peringkat antarabangsa melalui penguasaan teknologi, kreativiti dan inovasi.

17. Produk serta perkhidmatan yang dihasilkan dalam pertandingan ini juga berpotensi besar untuk dikomersialkan. Oleh itu, saya menggalakkan para peserta supaya mendaftarkan hak cipta atau mempatenkan hasil ciptaan mereka melalui Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) agar dilindungi sebagai hak eksklusif.

18. Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua peserta yang telah mengambil bahagian. Kepada para pemenang, semoga kejayaan ini menjadi sumber inspirasi untuk terus melangkah jauh. Kepada

yang belum berjaya, teruskan usaha, kerana setiap kegagalan adalah pengalaman yang membina dan setiap cabaran adalah batu loncatan menuju kejayaan yang lebih besar.

PENUTUP

19. KKDW amat berbangga dengan kejayaan penganjuran Ekspo TVET@KKDW 2025 yang bukan sahaja menjadi medan pameran kemahiran, tetapi juga wahana pembentukan minda dan semangat baharu dalam kalangan pelajar, belia dan masyarakat terhadap potensi sebenar bidang TVET.

20. Kementerian akan terus komited dalam memperkukuh ekosistem TVET melalui inisiatif promosi, kerjasama industri dan peningkatan kualiti latihan. KKDW percaya bahawa TVET adalah pemangkin utama kepada pembangunan negara yang berteraskan kemahiran, inovasi dan daya saing global.

21. Kepada para pemain industri, saya menyeru agar kerjasama strategik ini terus diperkukuh. Hanya dengan gabungan kepakaran industri dan kekuatan latihan institusi, kita mampu melahirkan tenaga mahir yang benar-benar memenuhi keperluan pasaran kerja dan mendorong pertumbuhan ekonomi negara ke arah yang lebih mampan.

22. Kepada semua pemenang, tahniah atas kejayaan yang membanggakan. Jadikan pencapaian ini sebagai pembakar semangat untuk terus mencipta kejayaan yang lebih besar. Dan kepada semua peserta, ingatlah kejayaan bukan diukur hanya

dengan kemenangan, tetapi dengan keberanian untuk mencuba dan kesungguhan untuk terus belajar.

23. Akhir kata, setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang menjayakan Ekspo TVET@KKDW 2025 di ICC, Perak. Anda semua telah menetapkan satu penanda aras baharu dalam penganjuran ekspo TVET di Malaysia. Semoga kejayaan ini menjadi inspirasi untuk kita terus memartabatkan TVET dalam membina generasi mahir, berdaya cipta dan berdaya saing di pentas dunia.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.